

16 MAR 2001

Mahathir-Pengguna

PERSATUAN PENGGUNA DI NEGARA INI PERLU LEBIH AKTIF, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu persatuan-persatuan pengguna di negara ini lebih aktif dalam merangka dan melaksanakan program-program kepenggunaan untuk meningkatkan lagi tahap kesedaran rakyat terhadap hak-hak pengguna.

Beliau berkata, peranan persatuan pengguna dalam membantu kerajaan meningkatkan lagi kesedaran kepenggunaan di kalangan rakyat adalah amat penting.

"Malangnya terdapat persatuan-persatuan pengguna yang tidak aktif dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka dan ada antara persatuan-persatuan pengguna yang mempunyai keanggotaan yang kecil," katanya ketika berucap di majlis makan malam perdana sempena Hari Pengguna Sedunia 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Kerana sebab itulah, kata Dr Mahathir, persatuan-persatuan pengguna tidak mampu menganjurkan program dan aktiviti kepenggunaan dan sentiasa mengharapakan kerajaan untuk melaksanakan tanggungjawab itu.

Beliau berkata perkara itu tidak seharusnya berlaku dan persatuan-persatuan pengguna mestilah mempunyai tanggungjawab untuk bersama-sama dengan kerajaan mendidik pengguna supaya mereka mempunyai kesedaran kepenggunaan yang tinggi dan mampu melaksanakan tanggungjawab sebagai pengguna yang berkesan.

Dr Mahathir juga inginkan semua pemimpin persatuan pengguna supaya lebih proaktif dalam membantu kerajaan mendidik pengguna terutama di era globalisasi dan sistem pasaran terbuka yang sedang berkembang dengan pesatnya.

"Persatuan-persatuan pengguna mempunyai tugas dan tanggungjawab memperjelaskan kepada orang ramai aspek-aspek positif dan negatif globalisasi, kesan globalisasi kepada rakyat, negara dan pengguna," katanya.

Beliau berkata pengguna juga harus diperjelaskan mengenai sistem pasaran terbuka yang diamalkan oleh negara pada hari ini supaya pengguna dan orang ramai akan lebih faham dan tidak menyalahkan kerajaan semata-mata apabila berlaku turun naik harga barangan di pasaran.

"Tuntutan supaya kualiti dan kecekapan dinaikkan tetapi harga dan bayaran diturunkan tidak mencerminkan perhitungan yang waras".

"Kesedaran bahawa kos segala-galanya sudah meningkat tetapi dituntut juga supaya harga dan bayaran tidak dinaikkan bahkan dikurangkan tentulah tidak munasabah," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata persatuan-persatuan pengguna harus meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka untuk menjadi satu persatuan yang mengambil berat, cermat, berwibawa dan dihormati oleh semua pihak.

Beliau menyeru supaya kerjasama antara persatuan pengguna dengan kerajaan dipertingkatkan pada masa-masa akan datang demi kesejahteraan pengguna di negara ini.

"Sebagai persatuan yang mempunyai hubungan rapat dengan kumpulan sasar di peringkat akar umbi, maklumat yang disalurkan oleh persatuan pengguna boleh membantu kerajaan merancang dasar yang sesuai untuk negara keseluruhannya...janganlah persatuan membenarkan diri didorong oleh kepentingan lain seperti kepentingan politik," katanya.

Beliau berkata teknologi komputer dan maklumat juga telah memaksa para pengguna lebih berhati-hati dan waspada semasa berurusanniaga secara e-dagang supaya mereka tidak mudah ditipu.

Para pengguna perlulah menambahkan kemahiran berkaitan dengan e-dagang untuk membuat keputusan yang bijak dan tepat tanpa merugikan diri sendiri kerana generasi yang celik komputer akan dapat memainkan peranan yang penting bersama kerajaan dalam memantapkan ekonomi negara, kata Dr Mahathir.

Beliau mengingatkan pengguna supaya lebih berwaspada terhadap barang-barang dari luar negara yang dikeluarkan dengan kos yang rendah kerana besar kemungkinan barangan itu berkualiti rendah.

"Negara-negara membangun akan menjadi "dumping ground" bagi barangan dari negara-negara maju dan besar kemungkinan barangan ini tidak bermutu dan setengah-setengahnya tidak sesuai digunakan oleh manusia," katanya.

Kerana itu, para pengguna negara ini tidak harus membelakangkan barangan dan khidmat tempatan untuk menjaga kebebasan dan kedaulatan negara, kata Dr Mahathir.

Beliau juga menyeru pengguna Malaysia supaya mengikis gaya dan budaya berbelanja secara mewah, tetapi sebaliknya merancang perbelanjaan mengikut kemampuan dan seterusnya mengelakkan pembaziran kerana sifat-sifat yang sedemikian boleh membawa kesan negatif kepada diri sendiri dan juga negara.

"Kepada peniaga, yang juga pada masa yang sama pengguna, amalkan etika perniagaan yang baik dan bertanggungjawab. Peniaga tidak akan rugi bahkan akan mendapat penghargaan dan pengiktirafan oleh pasaran sebagai peniaga yang beretika dan boleh dipercayai," katanya.

Bagi pihak kerajaan pula, Dr Mahathir berkata di samping menggalak dan memajukan perdagangan yang sihat dan beretika, kerajaan sentiasa berusaha agar kesejahteraan hidup rakyat sentiasa terjamin dan terpelihara.

Jesteru itu, kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu dalam perancangan dan pelaksanaan semua program pembangunan negara agar ianya memberi manfaat yang setinggi-tingginya kepada rakyat.

Kewujudan Akta Perlindungan Pengguna 1999, kata beliau tidak bermaksud menyekat perkembangan perdagangan di negara ini bahkan akan mewujudkan suasana perdagangan yang sihat dan berdaya saing berasaskan kepada amalan-amalan yang beretika.

"Penubuhan tribunal pengguna di bawah akta itu bertujuan mewujudkan satu lagi saluran bagi pengguna membuat tuntutan gantirugi terhadap kerugian yang mereka alami semasa proses jual beli mahupun mendapatkan perkhidmatan daripada peniaga," katanya.

Bercakap mengenai sambutan Hari Pengguna Sedunia beliau berkata sambutan itu tidak seharusnya hanya dibuat di peringkat itu sahaja malah perlu dianjurkan di peringkat kebangsaan dan diikuti dengan Minggu Pengguna Kebangsaan.

"Saya percaya Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka seharusnya mempunyai sambutan hari pengguna yang lebih bersifat nasional atau kebangsaan dan sambutan itu akan lebih bermakna jika ianya diadakan untuk jangka masa seminggu dengan lebih banyak program dan aktiviti boleh diadakan," kata beliau.

-- BERNAMA

SR NZ PR